



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (K&P)
SETIAUSAHA AKHBAR**

12 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

12 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)

Bawal Exclusive beri amaran kepada penciplak

KUALA LUMPUR - Syarikat hijab mewah tempatan, Bawal Exclusive Sdn. Bhd. (Bawal Exclusive) memberi amaran akan mengambil tindakan undang-undang kepada pihak yang menciplak tudung keluarannya untuk meraih keuntungan mudah.

Pengasas Bawal Exclusive, Haliza Maysuri berkata, pihaknya sentiasa memantau kegiatan peniaga yang cuba mengambil kesempatan terhadap jenama keluaran syarikat itu.

"Bawal Exclusive bukan duduk diam sahaja, kita inginindungi hak dan jenama kita dan apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ambil tindakan, ia menjadi iktibar kepada yang lain semoga perkara ini tidak berulang," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Katanya, tindakan pengusaha yang menciplak Bawal Exclusive sangat melampau kerana meniru



HALIZA menunjukkan sampel tudung Bawal Exclusive yang tulen ketika sidang akhbar di Kuala Lumpur semalam.

sepenuhnya tudung keluaran mereka.

"Corak yang ditiru adalah daripada tudung berharga RM50,000 tetapi dijual pada harga RM15 sehelai dan berlogokan Bawal Exclusive serta tidak menggunakan kristal Swarovski. Ini boleh menjejaskan kerjasama Bawal Exclusive dengan pihak Swarovski.

"Saya terkilan. Kita

telah mengusahakan jenama ini selama 20 tahun dan senang-senang sahaja mereka nak merosakkannya. Namun, saya bersyukur kerana ramai memberi sokongan dan bekerjasama untuk membanteras hal cetak rompak ini," ujarnya.

Sementara itu, peguam mewakili syarikat berkenaan, Ahmad Hafiz Zubir berkata, siasatan

berhubung kes terbabit masih berjalan mengikut Seksyen 8(2)(c) Akta Perihal Dagangan 2011 kerana barangan dirampas mengandungi cap dagang Bawal Exclusive tiruan.

Kelmarin, sebanyak 1,631 helai tudung berjenama Bawal Exclusive dlsyaki tiruan dirampas oleh KPDNHEP di sebuah premis di Jalan Langgar di Alor Setar, Kedah selepas menerima maklumat dan aduan daripada pemilik cap dagang berkenaan.

Serbuan oleh KPDNHEP pada hari sama turut dijalankan di kawasan Masjid India di ibu negara dengan merampas 3,270 helai tudung tiruan Bawal Exclusive. Nilai rampasan di kedua-dua premis tersebut adalah sebanyak RM73,965.

Mengulas lanjut, Haliza berkata, ini merupakan tindakan tegas kali pertama oleh pihak mereka sebagai peringatan kepada usahawan lain supaya tidak mengambil jalan mudah untuk meraih untung.

Gagal seleweng 31 tong gas LPG

Sandakan: Pasukan Polis Marin (PPM) berjaya menahan seorang lelaki bersama 31 tong gas petroleum cecair (LPG) dipercayai untuk diselewengkan dalam satu operasi di kawasan parit, Batu 3 di sini, kelmarin.

Dalam kejadian jam 11.30 pagi itu, lelaki berusia 46 tahun terbahit dilihat memunggah tong gas LPG dalam keadaan mencurigakan.

Sebaik diperiksa, lelaki terbahit gagal mengemukakan dokumen kebenaran untuk menguruskan barang bersubsidi berkenaan.

Komander PPM Wilayah Empar Sabah, Asisten Komisyoner Mohamad Pajeri Ali berkata, operasi pemeriksaan dijalankan hasil risikan dan

pemantauan Unit Risik Marin (URM).

Katanya, operasi itu dijalankan bagi mengenal pasti kegiatan penjualan gas LPG tanpa permit di sekitar kawasan pesisir pantai Sandakan.

"Hasil pemantauan mendapati seorang lelaki di kawasan Parit Batu 3 itu dalam keadaan mencurigakan bersama 31 tong gas LPG yang disyaki hendak diselewengkan.

"Semasa pemeriksaan dijalankan, suspek terbahit gagal mengemukakan dokumen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang membolehkan sebarang transaksi penjualan, penyimpanan dan pemindahan tong

Gas LPG dijalankan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohamad berkata, suspek dan barang kes kemudian dibawa ke Pangkalan Markas Operasi PPM Sandakan untuk tindakan lanjut.

"Nilai keseluruhan rampasan dianggarkan berjumlah RM7,750 berdasarkan harga pasaran semasa.

"Kes diserahkan kepada KPDNHEP dan disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dan dibaca bersama Peraturan 3 (1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda RMI juta dan penjara tiga tahun untuk perseorangan," katanya.



MOHAMAD Pajeri (kanan) menunjukkan tong LPG yang dirampas dalam operasi di kawasan Parit, Batu 3 di Sandakan.

BMF berjaya turunkan harga barang

Oleh **NUR IZZATI IZZAH NADZI**
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 SEPT.

SEJAK kempen utamakan produk orang Islam atau 'Buy Muslim First' (#BMF) dilancarkan, harga barangan dikesan turun dengan men-

dadak, sekali gus memberi manfaat kepada semua pengguna termasuk bukan bumiputera.

Ketua Aktivitis Persatuan

Pengguna Islam Malaysia (PPIM), **Datuk Nadzim Johan** berkata, wujud 'puak' atau syarikat yang berpuluh-puluh tahun mengambil kesempatan dengan meletakkan margin keuntungan berlipat kali ganda daripada kos pengeluaran.

Jelasnya, sebagai contoh bagaimana satu jenama minyak masak yang cukup terkenal boleh menurunkan harga sehingga RM10 bagi minyak masak lima kilogram walaupun harga asal adalah sekitar RM20 hingga RM24.

"Tidak mungkin mereka sanggup menanggung kerugian hanya semata untuk memastikan produk mereka tidak terjejas dengan menurunkan harga sebanyak itu. Ini bermakna mereka telah mengambil margin yang cukup besar iaitu RM10.

"Harga barangan sepatutnya lebih murah, namun kita sebagai pengguna telah ditipu sejak dahulu lagi terutama pada musim perayaan apabila harga bahan mentah dan barangan dapur dinaikkan sehingga melebihi dua kali ganda," katan-

ya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Tambah Nadzim, kempen yang dilakukan itu juga merupakan petunjuk bahawa ada antara peniaga yang mengambil kesempatan dan kempen ini dilihat berkesan untuk

'memaksa' mereka menurunkan harga barang.

Jelasnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK) perlu mengambil tindakan tegas terhadap peniaga terbabit supaya penipuan seperti itu tidak berulang.

Katanya, syarikat yang menjadi 'penipu' harus dikenal pasti agar tindakan mengambil keuntungan berlebihan ini tidak menjadi budaya dalam kalangan peniaga.

"Saya menyeru kepada pengguna untuk meneruskan kempen ini dan sokong produk keluaran orang Islam yang membayar zakat agar timbul kesedaran lebih tinggi terhadap pengguna supaya tidak tertipu lagi dengan harga barang naik," ujarnya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **Mohd. Yusof Abdul Rahman** berkata, syarikat produk keluaran bukan bumiputera terpaksa menurunkan harga untuk menyaingi produk muslim kerana mereka tidak mahu mengalami kerugian.



NADZIM JOHAN



MOHD. YUSOF